

# Dr. M jamin harga gula kekal 65 sen

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa harga runcit gula pasir akan kekal diparas 65 sen satu kati.

Katanya, Malaysia dan Australia telah mencapai persefahaman dalam rangka perjanjian baru membeli bahan gula mentah dari negeri itu.

Menurutnya, surat persefahaman itu telah ditanda tangani antara beliau dengan Menteri Perdagangan Australia dalam bulan Mac lalu.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyebut demikian ketika ditemui selepas majlis pengisalaman 52 orang saudara baru, di kediamannya, di Jalan Tunku, di sini lewat petang ini.

Menurutnya, kesan-kesan dari perjanjian baru itu, Malaysia dapat mempertahankan harga runcit gula pasir dipasar 65 sen satu kati.

Selain dari itu, tambahnya, ia juga membolehkan Malaysia membeli gula mentah dari sumber-sumber lain termasuk di pasaran terbuka di London.

"Dengan cara ini, gula pasir dapat dijual dengan harga 65 sen satu kati, dan jika semua bahan gula mentah dibeli dari Australia, harga runcit gula pasir terpaksa dijual dengan harga yang lebih tinggi," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia